

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG SIN WOON

TARIKH : 14 APRIL 2015

SOALAN :

Tuan Chong Sin Woon minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan proses kelulusan laporan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk Projek Forest City bernilai RM600 billion.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek Forest City adalah tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987 di mana pemaju projek dikehendaki menjalankan kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan mengemukakan Laporan EIA tersebut ke Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk kelulusan.

JAS telah menerima Laporan EIA bagi projek tersebut yang telah disediakan oleh Jururunding EIA yang berdaftar dengan JAS bagi pihak pemaju projek iaitu Country Garden Pacificview Sdn. Bhd. pada 17 Oktober 2014.

Mesyuarat Panel Pengulas telah diadakan pada 10 November 2014 dan 23 Disember 2014 di JAS bagi membincangkan Laporan EIA ini yang telah dihadiri oleh Pakar Pengulas Individu berdasarkan kepada kepakaran dan wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah dilantik oleh JAS, pemaju projek, Jururunding EIA, agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor. Pemaju projek telah mengemukakan maklumat tambahan berdasarkan ulasan yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Panel Pengulas, ulasan bertulis ahli-ahli Mesyuarat Panel Pengulas dan ulasan awam yang diterima oleh JAS pada 12 Disember 2014, 2 Januari 2015, 6 Januari 2015 dan 9 Januari 2015.

Laporan EIA ini telah dipamerkan pada 28 Oktober 2014 sehingga 26 November 2014 di 24 pusat-pusat pameran. Notis pameran telah dimaklumkan dalam akhbar tempatan sebanyak 3 kali iaitu pada 28 Oktober 2014, 4 November 2014 dan 11 November 2014 dan tarikh ulasan akhir ulasan orang awam adalah pada 11 Disember 2014. JAS telah menerima 8 ulasan awam dan pihak pemaju telah memberi maklum balas terhadap ulasan tersebut.

Laporan EIA bagi projek Forest City telah diluluskan bagi aktiviti penambakan, pengorekan dan pembangunan bercampur di atas kawasan tambakan tersebut pada 9 Januari 2015. Kelulusan yang diberi tertakluk kepada syarat-syarat kelulusan EIA yang telah ditetapkan bagi meminimumkan impak negatif terhadap alam sekitar oleh aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

JAS sedang menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan semua syarat-syarat kelulusan EIA dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta peraturan-peraturan di bawahnya dipatuhi sepenuhnya oleh pemaju projek.

Sekian terima kasih.